



## KERATAN AKHBAR

|             |   |                  |            |      |
|-------------|---|------------------|------------|------|
| AKHBAR      | : | KOSMO (INFINITI) |            |      |
| TARIKH      | : | 7/8/2019         | MUKA SURAT | : 30 |
| JABATAN     | : | PERHILITAN       |            |      |
| KLASIFIKASI | : | <b>PERHATIAN</b> |            |      |

# Memori cimpanzi sama seperti manusia

CIMPANZI mempunyai ingatan jangka panjang yang sangat baik.

**M**EMORI kerja adalah penting untuk kehidupan mental kita.

Kita menggunakannya bagi menambah kualiti kerja atau mengingati permulaan ayat sehingga ke penghujungnya.

Sesetengah saintis berpendapat bahawa ia dibangunkan khusus untuk manusia tetapi bagaimana pula dengan cimpanzi? Penyelidik bersedia untuk menjawab soalan ini.

Kajian terdahulu menunjukkan bahawa cimpanzi mempunyai keupayaan ingatan jangka panjang yang sangat baik.

Bagaimanapun, hanya segelintir pihak yang mengetahui kebolehan ingatan kerja haiwan tersebut.

Untuk memberi penerangan

mengenai kebolehan ini, para penyelidik telah menyediakan tugas mencari makanan di dalam beberapa kotak kecil dan gelap.

Pada awal ujian tersebut, cimpanzi memperhatikan bagaimana kepingan makanan disembunyikan di sebalik kotak-kotak itu.

Seterusnya, haiwan tersebut mula mencari makanan dengan menunjukkan kotak-kotak itu satu demi satu.

Sekiranya kotak yang dipilih itu mempunyai makanan, cimpanzi akan menerima makanan tersebut sebagai ganjaran.

Selepas setiap pilihan, kotak akan ditutup selama 15 saat.

Untuk mendapatkan semua makanan, cimpanzi perlu mengingati kotak mana yang

telah dipilih.

Para penyelidik seterusnya menaikkan tahap kesukaran tugas bergantung kepada kemampuan setiap cimpanzi.

Mereka meningkatkan jumlah kotak dan mengocok kotak antara setiap carian.

Hasil kajian itu mendedahkan, persamaan utama antara cimpanzi dan memori kerja manusia apabila cimpanzi mampu mengingati sekurang-kurangnya empat item dan seekor cimpanzi muda pula mengingati lebih daripada tujuh item.

Haiwan itu menggunakan kedua-dua rupa kotak serta kedudukan untuk mengingati pilihan yang terdahulu.

**SKOP**  
*sains*